


Kos Sara Hidup dan Sistem Harga



Oleh
**Profesor Emeritus
Dr. Zakariah
Abdul Rashid**
Pengarah Eksekutif,
Institut Penyelidikan Ekonomi
Malaysia (MIER)

APABILA kita dihadapkan dengan masalah penghidupan ekonomi dan sosial yang kita rasakan tidak kurang dahsyatnya, barulah ketika itu kita menyedari punca terjadinya masalah tersebut. Kita pun mula terpinga-pinga sambil mengerah tenaga bagi melakukan kajian dan cuba untuk memahami isu sebenar. Penunjuk ekonomi dan sosial seperti indeks harga pengguna, pendapatan isi rumah dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dikaitkan untuk lebih memahami masalah yang sedang dihadapi.

Isi rumah di negara mundur dan negara maju berkongsi masalah yang serupa - masalah kos sara hidup. Di Malaysia masalah ini menjadi isu penting lebih sedekad yang lalu, hatta setelah kerajaan baharu mengambil alih urusan pentadbiran negara. Singapura yang merupakan satu-satunya negara dengan ekonomi yang maju di rantau ASEAN, rakyatnya masih mempersoalkan isu kos sara hidup.

Begitu juga Taiwan dan Korea Selatan di Asia Timur yang lebih maju daripada Malaysia. Bahkan United Kingdom dan negara Scandinavia di Eropah yang juga merupakan negara anggota Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), rakyatnya sering mempersoalkan isu yang sama, iaitu masalah kos sara hidup.

Masalah kos sara hidup sentiasa segar dalam apa-apa jua tahap pembangunan negara, tanpa mengira negara terbabit sebuah negara mundur atau negara maju. Saya kira hal ini merupakan masalah kehidupan manusia yang keinginannya sukar dipenuhi sepenuhnya, walaupun pada hakikatnya keperluan asas untuk hidup sudah pun dipenuhi.

Oleh sebab ketidakupayaan kita untuk memenuhi sepenuhnya keinginan pengguna inilah, maka kita menghadapi masalah kos sara hidup, meskipun keperluan asas untuk membebaskan

diri kita daripada gejala kemiskinan sudah dicapai. Oleh hal yang demikian, masalah kos sara hidup akan terus relevan selagi manusia masih bernafas.

Kos sara hidup sesebuah negara sering dibandingkan dengan tahap atau keadaan yang berlaku di negara lain. Rerbanding sedemikian menjadi semakin penting dan menarik kerana dunia menjadi semakin global. Walaupun kita rakyat Malaysia sering merungut akan kos sara hidup yang tinggi, rakyat negara asing termasuk jiran yang datang dari Singapura yang berbelanja di negara kita, tidak pula merasakan sedemikian. Kos sara hidup atau perbelanjaan hidup yang sama, dirasakan tinggi oleh rakyat Malaysia, tetapi tidak dirasakan begitu oleh rakyat asing.

Kos perbelanjaan hidup ini antara lain ditentukan oleh harga barangan yang semakin menjadi hampir serupa di kebanyakan negara di dunia. Begitu juga dengan corak perbelanjaan yang menggambarkan corak lumrah wajaran pembelian pelbagai barangan dan perkhidmatan, hampir-hampir sama antara sebuah negara dengan negara yang lain.

Perkara ini bermakna rakyat asing berasa lebih berkemampuan berbanding dengan rakyat tempatan untuk berbelanja di negara ini. Banyak sebabnya yang dapat dijelaskan, antaranya termasuklah faktor perbezaan gaji dan tahap gaji berbanding dengan tahap pembangunan ekonomi yang tercermin menerusi syer gaji dalam KDNK.

Sementara itu, dalam hal sistem harga, penetapan paras harga oleh campur tangan sesuatu pihak merupakan perkara yang sangat sensitif. Dalam suasana yang sempurna, kita seelok-eloknya tidak mencampuri urusan penetapan harga dan membiarkan sahaja harga ditentukan oleh kuasa pasaran.

Hal tersebut dikatakan demikian kerana harga sesuatu barang tertakluk pada rangkaian sistem yang membolehkan sistem itu mencapai keseimbangannya dan seterusnya akan menghasilkan suasana yang cekap. Sebarang campur tangan kepada sistem harga akan menghasilkan natijah yang mengecewakan. Oleh itu, peranan harga penting untuk kita fahami kerana akan menjadi asas kepada fungsi sistem ekonomi kita bergerak.

Bagaimanakah harga ditentukan, termasuk juga harga buruh, yakni upah pekerja? Pada

suatu paras harga dengan sifat pengguna yang sentiasa ingin mendapatkan kegunaan yang tinggi, mereka akan mengagihkan pendapatannya kepada pembelian pelbagai barangan dengan caranya yang tertentu.

Begitu juga dengan sifat peniaga yang ingin mendapatkan keuntungan yang tertinggi, mereka akan memilih untuk mengeluarkan dan menjual barangan tertentu; mereka akan memilih saiz operasi tertentu dan proses pengilangan yang sesuai. Dengan mengambil perspektif yang lebih menyeluruh, oleh hal yang demikian, pada suatu paras harga tertentu, hal ini akan menentukan tahap kebajikan sesebuah masyarakat.

Harga mempunyai dua wajah. Harga sesuatu komoditi merupakan pendapatan kepada pemilik komoditi itu tetapi pada masa yang sama, harga merupakan kos kepada pengguna komoditi tersebut. Dalam pengeluaran sesebuah barangan, kita menggunakan sesuatu komoditi sebagai input bahan untuk mengeluarkan output komoditi yang lain. Dengan hal yang demikian, harga sesebuah komoditi berkaitan dengan harga komoditi yang lain dalam sifatnya sebagai kos dan pendapatan.

Selain kaitan yang berbentuk rangkaian teknikal pengeluaran, harga juga ditentukan oleh kaitannya dengan input prima, yakni dalam penggunaan buruh, modal dan tanah; harga input prima - upah, sewa, kadar faedah dan kadar keuntungan - perkara inilah yang membentuk pendapatan isi rumah.

Ingin saya ulangi sebagai penegasan tentang natijah buruk yang bakal terjadi jika kita mencampuri urusan penetapan harga. Dalam suasana yang sempurna, sebarang campur tangan akan menghasilkan natijah yang mengecewakan dan peranan harga menjadi asas kepada terhasilnya sistem ekonomi yang cekap.

Dalam suasana yang sempurna, masing-masing komoditi dan input prima akan mempunyai harga seimbang, yakni paras harga yang berada pada tahap tersebut dalam jangka masa yang lama. Hal ini merupakan satu paras yang tidak ada

**Harga sesuatu
komoditi merupakan
pendapatan kepada pemilik
komoditi dan kos kepada
pengguna komoditi
tersebut.**



Isi rumah di negara mundur mahupun negara maju berkongsi masalah yang serupa, iaitu masalah kos sara hidup.

lagi kecenderungan baginya untuk berubah lagi dan akan tercapai sekiranya kuantiti permintaan sama dengan kuantiti penawaran.

Namun begitu, harga sebenar ialah satu paras yang kita sering peroleh dalam dunia sebenar yang tidak menepati ciri-ciri kesempurnaan untuk sesebuah pasaran. Pada hakikatnya, akibat tahap optimum, kecekapan pengeluaran dan paras kebajikan sosial yang diharapkan tidak dicapai. Paras harga sebenar mungkin boleh menghampiri paras harga seimbang jika keadaan permintaan dan penawarannya agak stabil.

Apabila harga sebenar tidak sama dengan harga seimbang, maka akan ada kecenderungan untuknya bergerak pada keadaan yang seimbang. Walau bagaimanapun, penyesuaian ini tidak

semestinya pantas, mungkin juga apabila mula menghampirinya, tahap keseimbangan baharu yang lain pula muncul. Mengetahui hakikat ini, kita sering cenderung untuk mencampuri urusan penetapan harga tanpa kita sedari akan akibatnya yang membawa kepada kekecewaan.

Kita menganggap kerajaan berupaya mengawal harga komoditi, upah, kadar sewa, dan kadar untung sedangkan perkara yang meliputi keseluruhan sistem harga dan sistem ekonomi adalah tersangat rumit. Tambahan lagi, dalam dunia tanpa sempadan pada hari ini, rangkaian perdagangan antarabangsa, pembentukan blok perkongsian ekonomi serantau dan pengaruh kadar pertukaran mata wang asing kuat merasapi sistem ekonomi domestik kita.

Namun demikian, kita juga sedar bahawa sesuatu yang tegas boleh kita lakukan untuk mengubah persekitaran sosial supaya kita dapat memperbaiki tahap kebajikan. Apatah lagi jika kita sedari sesuatu dasar ekonomi dan sosial boleh diperkenalkan untuk memperbaiki tahap kebajikan masyarakat keseluruhannya tanpa menjejaskan kebajikan pihak tertentu. Seterusnya kita boleh memikirkan kaedah yang patut dilakukan untuk menyusun industri kita agar lebih bermanfaat kepada kita. Selanjutnya hal ini akan menetapkan polisi harga yang diambil.

Masalah ekonomi dan sosial termasuk kos sara hidup yang sedang kita hadapi adalah berpunca daripada kelemahan pengurusan dan dasar ekonomi yang kita sendiri ambil pada masa lalu. Kini kejadian tersebut sekadar menyerlahkannya sahaja. Malangnya kita tidak menyedarinya sebelum perkara tersebut terserlah sedemikian.

Dasar yang paling sesuai untuk memulihkannya adalah sebaik-baiknya dengan menghindarkan diri untuk cenderung mencampuri urusan harga, sebaliknya menyusun usaha ke arah menyediakan persekitaran yang sempurna dan kondusif agar kecekapan pengeluaran dan kebajikan pengguna dapat diperbaiki.

Dalam hal ini, kita boleh mengambil iktibar daripada hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Daud, yang menyatakan bahawa baginda mengelakkan diri daripada mengawal harga apabila diminta berbuat demikian seraya baginda memilih untuk menyerahkan soal kawalan harga kepada Allah SWT. Apabila didesak sekali lagi untuk berbuat demikian, akhirnya Nabi Muhammad SAW menyatakan bahawa biarlah Allah SWT yang memutuskan untuk menaikkan dan menurunkan harga.

Rasulullah SAW berharap agar baginda dapat bertemu dengan Allah SWT kelak dalam keadaan yang tiada sesiapa pun akan menyalahkannya disebabkan oleh tindakan mengawal harga. Ternyata bahawa tindakan mengawal harga, terutamanya harga barangan pengguna, akan membawa natijah yang kompleks dan sukar dipastikan kesudahannya.

Sungguhpun langkah mengawal harga dilaksanakan sebagai memenuhi dasar ekonomi kerana keadaan yang berlaku pada masa tertentu,



hal tersebut perlu dilakukan dengan rasa tertekan sambil menyediakan juga rangka kerja untuk melonggarkan kawalan tersebut sebaik-baik sahaja peluang berbuat demikian muncul. Rasanya dalam konteks yang sama, kawalan harga terhadap barangan pengguna sepatutnya tidak diberikan keutamaan berbanding dengan kawalan harga input primari, seperti yang dilakukan terhadap kadar untung, kadar bunga dan kadar upah.

Dalam konteks ini juga, dasar ekonomi untuk meningkatkan produktiviti, kemahiran pekerja, dasar gaji minimum, dan dasar menggalakkan persaingan serta menyekat kegiatan pencatutan ialah dasar yang betul dan harus diberikan keutamaan.

Rangka kerja tadbir urus yang diperkenalkan bukanlah untuk tujuan mencampuri urusan perjalanan pasaran, malah sebaliknya bagi melonggarkan ketegaran (*rigidity*) dan menghapuskan hambatan terhadap perjalanan pasaran bebas. •

Dasar terbaik memulihkan masalah ekonomi, sosial dan kos sara hidup ialah dengan menjauhkan diri daripada mencampuri urusan harga.